

08/07/2003

4B bukti semangat Malaysia Boleh, hargai jasa PM

Daud Awang

MELAKA: Kelab Penerbangan 4B Malaysia akan membuktikan semangat `Malaysia

Boleh' apabila menerbang dan mendaratkan lima pesawat ringan (microlite) di Jalan Hang Tuah Mall pada 27 Julai ini.

Program yang dikenali sebagai `Cabaran Hang Tuah Mall Fly in 2003' diadakan sebagai menghargai jasa dan pengorbanan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara Oktober depan.

Timbalan Pengerusi 4B negeri, Hasan Abdul Rahman berkata, Kelab Penerbangan 4B Malaysia juga ingin membuktikan kepada Dr Mahathir bahawa beliau berjaya melahirkan juruterbang yang berwibawa selepas kelab itu dilancarkan olehnya pada 3 Mei 1996.

"Setakat ini Kelab Penerbangan 4B mempunyai 25 juruterbang pesawat ringan dan mereka bersedia menunjukkan kemahiran masing-masing menerbang dan mendarat pesawat ringan di atas Jalan Hang Tuah Mall.

"Ini adalah sebahagian daripada cabaran dan sebagai membuktikan semangat Malaysia Boleh yang diilhamkan oleh Dr Mahathir," katanya di sini, semalam.

Kelab Penerbangan 4B Malaysia berpangkalan di Batu Berendam, dekat sini dilancarkan oleh Dr Mahathir pada 3 Mei 1996.

Objektif penubuhannya ialah mengembangkan ilmu penerbangan di kalangan belia termasuk melatih, mereka bentuk, memasang dan membina pesawat ringan (microlite).

Sehubungan itu, Hasan berkata, syarikat dan tokoh korporat, ahli perniagaan dan pihak swasta diharap tampil ke depan menaja program itu sebagai komitmen mereka terhadap sumbangan dan pengorbanan Perdana Menteri.

Beliau berkata, Ketua Menteri yang juga Presiden 4B Malaysia, Datuk Seri Mohd Ali Rustam telah mencetuskan idea itu dan diharap ia mendapat kerjasama semua pihak untuk menjayakannya.

"Kami memerlukan sumbangan daripada pelbagai pihak untuk menjayakan program ini kerana ia dijangka dicatat dalam Malaysia Book of Records (MBR) kerana pertama kali pesawat ringan mendarat di atas jalan raya," katanya.

Hasan berkata, mereka yang berminat boleh menghubungi 4B negeri untuk memberi sumbangan masing-masing.

Mengenai persiapan program itu, beliau berkata, surat permohonan telah dikemukakan kepada Jabatan Penerbangan Awam (DCA) untuk kelulusan.

"Kita akan mematuhi apa juga syarat yang ditetapkan oleh DCA asalkan program itu dapat dilaksanakan," katanya.

Hasan berkata, selain daripada itu, orang ramai yang hadir pada hari itu berpeluang menyaksikan demonstrasi memasang pesawat ringan selain berpeluang mendaftar sebagai ahli Kelab Penerbangan 4B Malaysia.